



Latihan Berbentuk Peperiksaan

A. Pilih jawapan yang betul.

1. _____ usaha murni kalian akan dibalas dengan kebalkan oleh-Nya.

A Agar-agar	C Lambat-laun
B Moga-moga	D Ingat-ingat
2. Jika kita hidup bersatu padu, sudah tentu _____ tidak akan berlaku di sini.

A huru-hara	C hiruk-pikuk
B hingar-bingar	D lintang-pukang
3. Perahu yang ditambat pada pangkal pokok akan _____ apabila dipukul ombak.

A terhuyung-hayang	C terumbang-ambing
B terliang-liuk	D terkapai-kapai
4. Kami amat bersimpati dengan pengemis yang berpakaian _____ di tepi surau itu.

A coreng-moreng	C calar-balar
B kusut-masai	D compang-camping
5. Hatinya _____ apabila permohonannya ke menara gading tidak diterima.

A remuk-redam	C hitam-legam
B hancur-lebur	D pucat-lesi
6. Amalan _____ semasa musim perayaan dapat mengeratkan silaturahim.

A hormat-menghormati	C ziarah-menziarahi
B kirim-mengirim	D lawat-melawati
7. Pesilat itu sudah memasang _____ untuk berhadapan dengan lawannya.

A kekuda	C sesungut
B kekunci	D kekabu
8. Kuih _____ itu enak dimakan panas-panas dengan minuman air kopi.

A agar-agar	C epok-epok
B obor-obor	D labi-labi
9. Para pekerja sedang memasang _____ pada tingkap rumah kami.

A kekuda	C tetupai
B lelangit	D kekisi